

Tubuhkan Fakulti Kejuruteraan Petroleum di UMS-KAL

Oleh **ADRIAN NANDU**

adriannandu@gmail.com

UB 03-05-2012 AF

LABUAN: Ketua PBS Bahagian Labuan, Peter Mak kelmarin menyambut baik mengenai cadangan bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad agar Fakulti Kejuruteraan Petroleum ditubuhkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Tun Mahathir yang dijemput untuk berucap di UMS, Kota Kinabalu pada Isnin lalu mencadangkan agar fakulti itu ditubuhkan berdasarkan pertumbuhan industri minyak dan gas yang mapan di Sabah.

"PBS Labuan merasa gembira dan mengalu-alukan cadangan bekas Perdana Menteri itu.

"Namun demikian, kami mencadangkan agar fakulti itu ditubuhkan di UMS-Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

"UMS-KAL pada saat ini tertumpu kepada industri kewangan antarabangsa selari dengan status pulau ini sebagai pusat kewangan dan perniagaan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, berbanding sektor kewangan antarabangsa, pulau ini mempunyai sejarah dalam minyak dan gas yang lebih lama.

"Terdapat beberapa syarikat ternama untuk industri minyak dan gas di sini samaada syarikat tempatan mahupun luar negara.

"Tambahan pula, Pulau Daat yang kini dijadikan pusat pembangunan minyak dan gas menjadi bukti kepada pembangunan industri itu di sini," katanya.

Peter turut menjelaskan dengan memiliki fakulti itu di sini, pelajar tidak akan mengalami banyak masalah di dalam mendapatkan tempat untuk menjalani latihan industri dan melakukan penyelidikan.



PETER

"Saya yakin, pemain industri di sini lebih dari rela di dalam memainkan peranan mereka untuk membantu pelajar bagi memenuhi keperluan akademik mereka.

"Dalam masa yang sama kita juga boleh mendapatkan bantuan dan sokongan dari kalangan pekerja profesional dalam industri itu untuk berkongsi ilmu dan kepakaran mereka.

"Ia sudah tentunya melalui kelas dan mereka juga boleh memberikan khidmat nasihat dalam karier kepada pelajar fakulti itu," katanya.

Katanya pulau ini memiliki infrastruktur dan kemudahan untuk cadangan fakulti petroleum itu.

Tambahan pula, UMS di Kota Kinabalu telahpun memiliki Akademi Minyak dan Gas Tun Ahmad Shah untuk Sabah.

"PBS Labuan memohon agar pihak tertentu mengambil kira cadangan kami ini, di mana akhirnya, graduan fakulti petroleum itu akan berkhidmat untuk industri minyak dan gas di sini termasuklah kepada Sabah dan juga negara ini.

"Dengan pembukaan fakulti itu akan memberi kesan yang positif kepada pembangunan jangka masa panjang untuk pulau ini dan juga negara ini secara keseluruhannya," katanya.